

SK LANGGAR DIPILIH SEBAGAI SEKOLAH ANGKAT MADANI

Kota Bharu, Selasa, [8 Julai 2025]: Bank Islam Malaysia Berhad (Bank Islam atau Bank) melaksanakan inisiatif Sekolah Angkat MADANI (SAM) nya yang pertama di Sekolah Kebangsaan (SK) Langgar, Kota Bharu Kelantan bertujuan mempertingkatkan fasiliti pembelajaran dan sokongan pendidikan.

SK Langgar, sekolah yang berusia lebih 100 tahun ini adalah salah satu dari 5 Sekolah Angkat Madani yang dipilih oleh Bank Islam atas keperluan untuk menaik taraf kemudahan infrastrukturnya. Penambahbaikan ini bertujuan mewujudkan persekitaran pembelajaran yang lebih kondusif dan relevan dengan keperluan pendidikan digital semasa.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Bank Islam, Dato' Mohd Muazzam Mohamed berkata, peruntukan yang disalurkan kepada SK Langgar termasuk penyediaan kelengkapan sebuah *Smart Classroom*, naik taraf penghawa dingin bilik guru, program pembelajaran teknologi digital seperti kecerdasan buatan dan perisian selain pondok bacaan untuk program pembelajaran luar bilik darjah.

“Usaha ini bertujuan untuk memperkukuh ekosistem pembelajaran digital serta menyediakan persekitaran pembelajaran yang kondusif untuk murid-murid serta warga sekolah. Pelaksanaan program ini bukan sahaja mencerminkan kepimpinan Bank Islam menyokong dasar pendidikan negara, tetapi memperkukuh agenda kerajaan ke arah kesejahteraan rakyat yang inklusif dan berterusan, sejajar dengan aspirasi Dasar Pendidikan Digital Malaysia MADANI,” katanya.

Di majlis sama, Bank Islam juga turut menyalurkan sumbangan zakat berjumlah RM26,400 kepada 176 orang murid asnaf SK Langgar dengan nilai sumbangan RM150 setiap seorang. Inisiatif ini merupakan usaha Bank Islam untuk menyumbang semula kepada masyarakat melalui penambahbaikan kemudahan pendidikan yang mampu memberi kesan berpanjangan kepada generasi akan datang.

Empat sekolah lagi yang termasuk dalam SAM adalah SK Taman Dato' Harun 1, Petaling Jaya, Selangor; SK Batu Rakit, Kuala Terengganu, Terengganu; Sekolah Pendidikan Khas Melaka dan SMK Peramu Jaya, Pekan, Pahang.

Mengenai Bank Islam Malaysia Berhad

Bank Islam adalah institusi perbankan Islam pertama di Malaysia yang disenaraikan di Papan Utama, Bursa Malaysia Berhad. Ditubuhkan pada bulan Julai 1983, Bank Islam mempunyai 135 cawangan dan lebih 900 terminal layan diri di seluruh negara. Sebagai institusi perbankan Islam lengkap dan tulen, Bank Islam menyediakan penyelesaian perbankan runcit dan kewangan korporat yang mematuhi undang-undang dan prinsip Syariah dengan ketat. Bank Islam komited terhadap kemakmuran lestari dan nilai-nilai ESG dan merupakan peserta rasmi Rangkaian Kompak Global Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Malaysia dan Brunei. Anak-anak syarikat utama Kumpulan Bank Islam, BIMB Investment dan BIMB Securities menawarkan pelbagai perkhidmatan kewangan Islam, termasuk pelaburan dan pembrokeran saham. Untuk maklumat lanjut mengenai produk dan perkhidmatan kumpulan Bank Islam, layari www.bankislam.com.

Sila e-mel ke Hubungan Media Kumpulan Bank Islam di media@bankislam.com.my untuk mendapatkan maklumat tambahan.